

07 MAR 1997

Rafidah-Afrika Selatan

PAKATAN BARU BAGI MEMPERTINGKATKAN PERDAGANGAN MALAYSIA-AFRIKA SELATAN

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Malaysia dan Afrika Selatan hari ini menandatangani dua perjanjian, iaitu satu pakatan perdagangan baru untuk memudahkan penubuhan jawatankuasa bersama perdagangan bagi meningkatkan perdagangan dua hala, sementara yang satu lagi adalah bagi hal-hal mengenai perkapalan dan maritim.

Perjanjian perdagangan itu ditandatangani oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri Afrika Selatan P. Mlambo-Ngcuka.

Perjanjian Perkapalan Komersil dan Perkara Maritim Yang Berkaitan ditandatangani oleh Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sementara Afrika Selatan diwakili oleh Menteri Hal-Ehwal Galian dan Tenaga P.Maduna.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Afrika Selatan Nelson Mandela yang kini berada dalam rangka lawatan ke Malaysia menyaksikan majlis itu di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Mengenai perjanjian pertama itu, Rafidah berkata di samping jawatankuasa perdagangan bersama, ia juga akan membolehkan kedua-dua negara mendapat Layanan Negara Paling Diutamakan (MFN) dalam hal-hal berkaitan dengan duti kastam dan formaliti perdagangan luar.

Beliau berkata, perjanjian perdagangan itu juga akan memudahkan penyertaan kedua-dua negara dalam pameran perdagangan dan aktiviti-aktiviti penggalakkan masing-masing termasuk pelepasan duti kastam dan lain-lain bayaran bagi barangan sampel di pameran itu.

"Objektif utama perjanjian perdagangan itu ialah bagi memperluaskan kerjasama perdagangan, ekonomi dan industri pada jangka panjang," kata beliau kepada pemberita dalam kenyataan selepas majlis tandatangan itu.

Perjanjian itu, menurut Rafidah adalah baik bagi sektor swasta kedua-dua negara dan ia juga akan merangsangkan lagi aliran perdagangan, pelaburan dan inisiatif perniagaan individu.

Rafidah berkata, Afrika Selatan merupakan rakan perdagangan Malaysia yang terbesar di benua Afrika. Pada 1996, jumlah perdagangan antara kedua-dua negara ialah RM1.36 bilion, iaitu peningkatan 14.3 peratus berbanding 1995.

Eksport Malaysia ke Afrika Selatan bagi tahun 1996 berjumlah RM719 juta. Eksport utama ke negara itu termasuk minyak sawit, kayu, getah asli dan susu getah, peralatan telekomunikasi dan bunyi serta peralatan pejabat.

Import dari Afrika Selatan pula berjumlah RM643 juta termasuk emas, batang besi dan keluli, bijirin, kertas serta kadbod dan baja, kata beliau.

-- BERNAMA

ES PR